

GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT SECARA MENEGAK (*VERTICAL*)

1. “**Pemindahan Kredit Secara Menegak**” bererti jumlah kredit yang dikecualikan bagi seseorang pelajar daripada mengambil semula kursus yang setara yang telah diambil daripada institusi pascapendidikan menengah yang telah mendapat kelulusan Fakulti. Pemindahan Kredit Secara Menegak juga dipanggil pengecualian kredit.
2. Syarat pemindahan kredit secara menegak adalah seperti berikut:
 - a) Kredit yang dipindahkan **tidak boleh melebihi 30%** daripada jumlah keseluruhan kredit bagi satu program tertentu. Bagi pelajar lepasan Diploma (Tahap 4, Kerangka Kelayakan Malaysia), pemindahan kredit boleh diberikan sehingga maksimum 50%;
 - b) Pelajar hendaklah mendapat gred tidak kurang dari C atau yang setara dengannya. Bagi pelajar lepasan Diploma (Tahap 4, Kerangka Kelayakan Malaysia) adalah seperti beriku:

Peratus Pindah Kredit (%)	Gred Minimum Kursus
1 hingga 30	C
31 hingga 50	B

- c) Hasil pembelajaran dan/atau kandungan kursus tersebut mempunyai persamaan dengan kursus-kursus di UKM tidak kurang daripada 80%;
 - d) Perbezaan magnitud kredit yang hendak dipindahkan itu hendaklah tidak melebihi 10% daripada kursus setara yang ada di UKM. Oleh kerana takrif kredit mungkin berbeza-beza dari satu institusi dengan institusi lain, perbandingan magnitud kredit boleh dilakukan melalui Masa Pembelajaran Pelajar (MPP). Jika MPP tidak dapat ditentukan, jumlah kredit untuk menamatkan pengajian boleh digunakan untuk melakukan perbandingan;
 - e) Kredit yang dipindahkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), badan professional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di negara berkenaan;
 - f) Pemindahan Kredit yang dipohon hendaklah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh permohonan pemindahan kredit.
3. Kursus yang diluluskan akan diberikan gred **Pindah Kredit (PK)**. Gred PK diambil kira sebagai sebahagian dari jumlah kredit bagi tujuan pengijazahan tetapi tidak dikira dalam Purata Nilai Gred (PNG) Semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).
4. Fakulti/Pusat berhak menetapkan atau mengenakan syarat-syarat tertentu untuk pelajar, jika perlu dalam bentuk temu duga atau peperiksaan khas.
5. Permohonan pemindahan kredit perlu **disahkan oleh Mesyuarat Fakulti** setelah mendapat perakuan jawatankuasa khas yang ditetapkan. Keputusan permohonan akan dimaklumkan terus kepada pelajar oleh Fakulti/Pusat selepas disahkan Mesyuarat Fakulti. dan disalinkan kepada Pusat Pengurusan Akademik.
6. Kursus yang telah diluluskan pemindahan kredit **tidak boleh ditarik balik oleh pelajar**.